

# Jangan!

hasil karya  
**Fadzilah Mohd Idris**



# Prakata oleh Pengerusi MLLPC



## **Profesor Madya Dr. Muhammad Faishal Ibrahim**

*Setiausaha Parlimen Kanan  
Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pembangunan  
Sosial dan Keluarga  
Pengerusi, Jawatankuasa Pembelajaran dan  
Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC)*

'Pelajar Aktif, Pengguna Cekap' merupakan matlamat pembelajaran Bahasa Ibunda di Singapura. Murid-murid haruslah dibekalkan dengan bahan bacaan yang kreatif untuk mendorong minat mereka terhadap pembelajaran Bahasa Ibunda. Lebih banyak bahan bacaan yang dapat mereka akses, lebih baik natijahnya.

Siri Nabil dan Nabilah telah diilhamkan pada tahun 2015 untuk murid-murid sekolah rendah khususnya bagi Darjah 1 dan 2 dengan tujuan untuk menambah jumlah bahan bacaan tempatan bahasa Melayu. Buku-buku yang dihasilkan oleh guru-guru Bahasa Melayu Singapura ini telah mendapat sambutan baik daripada kanak-kanak, ibu bapa dan juga para pendidik.

Lanjutan daripada maklum balas tersebut, Siri Nabil dan Nabilah diteruskan untuk murid-murid Darjah 3 dan 4 pula. Terdapat pembaharuan yang telah dilakukan terutama sekali daripada aspek jalan cerita dan penampilan watak-watak dalam siri tersebut agar dapat memenuhi cita rasa para pembaca yang berusia antara sembilan hingga sepuluh tahun. Selain itu, aktiviti-aktiviti susulan setelah membaca disediakan untuk membolehkan ibu bapa dan ahli keluarga terlibat sama. Aktiviti membaca bersama-sama keluarga dapat memupuk sikap-sikap positif dan berpotensi menanamkan nilai-nilai yang baik.

Guru merupakan golongan yang dekat dengan murid. Mereka mengenali minat dan citarasa murid. Oleh hal yang demikian, setiap sumbangan guru dalam penghasilan siri buku bacaan ini amat dihargai. Kepada guru-guru yang telah menyumbang dalam penulisan buku cerita ini, saya mengucapkan syabas dan ribuan terima kasih.

Besar harapan saya agar usaha ini dapat diteruskan dan lebih banyak karya dapat dihasilkan demi kemajuan dan pembangunan intelek anak-anak kita. Semoga mereka bakal menjadi pengguna bahasa ibunda yang cekap dan yakin serta berbangga akan bahasa dan budaya Melayu.

*Burung punai di pucuk rebung,  
Anak kedidi terbang berempat;  
Bahasa disanjung budaya dijunjung,  
Majulah seni bangsa berdaulat.*

# PENGHARGAAN

## Para Penulis Buku Darjah 3

Zaleha Ahmad

Safidah Samsudin

Fadzilah Mohd Idris

Juliyah Yaacob

Zarina Hashim

Manisah Osman

Nazariah Nasir

Khairunnisa Mohd Isa

Haslinah Osman

Farizan Md Amin

Kaki Bola

Menang Menabung

Jangan!

Segaknya!

Wira dan Wirawati Bento

Mari Berkenalan

Tetap Berguna

Adakah Pilihan Nabilah Salah?

Jemput Makan!

Juara Cilik Wayang Kulit

## Pengurusan Pembinaan Buku

Penasihat Projek

Editor

Sekretariat MLLPC

Zafilin Abdul Hamid

Zainaba Omar

Siti Fazila Ahmad

Murshidah Hassan

Nasrudin Raja Sulaiman

Nur Fa'izah Matnoor

Nur Sifa Hussin

Mislimah Misti

Kami berterima kasih kepada Pusat Sains Singapura kerana memberikan keizinan untuk menggunakan gambar dalam halaman 4-18 yang dipetik di Pusat Sains Singapura.

# Jangan!


hasil karya  
Fadzilah Mohd Idris



Nabil dan Nabilah sangat gembira pada pagi itu. Kelas mereka akan ke Pusat Sains Singapura.

Kamu harus dengar arahan Cikgu, ya!

Baik, Cikgu Syahira!



Andri! Jangan tergopoh-gapah apabila menaiki bas. Awak harus berhati-hati.

Cikgu Syahira menyuruh Nabilah berpasangan dengan Andri.



Setibanya di Pusat Sains Singapura, Nabilah mula berasa cemas.

Jangan terus lari, Andri. Kita harus bergerak bersama kelas kita.



Apabila mereka tiba di ladang mini...

Wah, buah limau!

Andri, jangan petik buah itu!





Wah, segarnya sayur-sayuran ini!

Mereka bergerak ke kebun sayur-sayuran pula. Pegawai pusat sains menerangkan tentang sayur-sayuran yang boleh ditanam di Singapura.


Andri berlari ke hujung kebun sayuran itu tanpa menghiraukan sesiapa.

Andri, jangan!



Dari kebun sayur-sayuran kelas Nabilah bergerak ke taman eko. Di sana ada kolam. Mereka berdiri di tepi kolam untuk melihat hidupan di situ. Andri mengusik Nabilah. Dia menarik tangan Nabilah. Kertas aktiviti Nabilah terjatuh ke dalam kolam.






Lihat kertas aktiviti  
saya sudah basah!

Saya bukannya sengaja!

Nabil berasa kurang senang dengan perbuatan Andri. Dia menyuruh Andri meminta maaf kepada Nabilah.



Nabil, saya hanya bergurau saja.


An illustration of a school scene. A female teacher wearing an orange hijab and a pink long-sleeved shirt stands on the right, looking towards two children. The children, a boy and a girl, are on the left. The boy is wearing a white polo shirt and teal shorts, with his arms crossed and a sad expression. The girl is wearing a white polo shirt and a teal skirt, with her arms crossed and a sad expression. She has a red bag with a pink water bottle hanging from it. The background shows a school building with a glass roof and some greenery.

Andri, tidak salah jika Nabil menegur perbuatan awak. Sekarang, minta maaf kepada Nabilah.

Baiklah, Cikgu Syahira. Saya minta maaf.

Selepas mengunjungi taman eko, kelas Nabillah ke vivarium pula. Di situ, banyak rama-rama yang cantik dan berwarna-warni.





Wah ... baru saya tahu selain menghisap madu, rama-rama juga makan buah-buahan!

Murid-murid!  
Mari lihat ini!

Tiba-tiba, Andri sudah tiada di samping Nabilah lagi. Nabil dan Nabilah memberitahu Cikgu Syahira dengan segera.







Cikgu Syahira dan murid-muridnya kelihatan cemas. Mereka mencari-cari Andri di vivarium itu. Rupa-rupanya, Andri sedang mengejar seekor rama-rama tanpa mempedulikan orang di sekelilingnya.

Tiba-tiba, Andri jatuh tersungkur. Dia tersandung kaki seorang pengunjung di sana. Kakinya luka dan berdarah. Andri menangis. Nabilah segera membantu mengelap luka di lutut Andri. Andri tidak dapat berjalan dengan betul kerana kakinya sakit. Dia berasa malu kerana ramai orang yang memerhatikannya.



Nabilah memberitahu Andri bahawa dia telah menyusahkan kawan-kawan dan Cikgu Syahira. Mereka risau apabila Andri tidak kelihatan. Andri hanya diam sahaja.

Andri tidak meminta maaf atau mengucapkan terima kasih kepada Nabilah. Dia tidak sedar bahawa perbuatannya itu telah menyusahkan kawan-kawannya.



Cikgu Syahira merawat luka Andri. Cikgu Syahira menasihati Andri supaya selalu mendengar arahan dan berhati-hati di tempat awam.




Cikgu Syahira memuji Nabilah kerana telah menolong Andri. Andri berasa malu dengan perbuatannya lalu memohon maaf kepada Cikgu Syahira dan teman-temannya.

Saya minta maaf, Cikgu.  
Saya minta maaf kawan-kawan.  
Terima kasih, Nabilah



# Glosari

Perkataan	Maksud
<b>cemas</b> (hlm. 4)	gelisah / risau
<b>mengusik</b> (hlm. 8)	menggangu
<b>vivarium</b> (hlm. 12)	tempat memelihara binatang untuk tujuan kajian
<b>menghisap</b> (hlm. 13)	menyedut
<b>pengunjung</b> (hlm. 15)	pelawat
<b>tersungkur</b> (hlm. 15)	jatuh ke depan dan muka terkena tanah





# Aktiviti Bersama Keluarga

Nama Aktiviti: Origami Kupu-kupu


Bahan yang diperlukan: Kertas segi empat

Cara melipat: Ikut rajah di bawah ini.









© 2018 Kementerian Pendidikan Singapura

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang, menyimpan atau menerbitkan semula mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemilik hak cipta buku ini.

Diterbitkan oleh



Ministry of Education  
SINGAPORE



Malay Language Learning  
and Promotion Committee

**Kementerian Pendidikan Singapura  
dan  
Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan  
Penggunaan Bahasa Melayu**

Illustration and Design by Thoughts Creations  
Email: sales@thoughts.com.sg

First published 2018

All rights reserved. No part of this publication may be produced, stored in a retrieval system or transmitted, in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission of the copyright owner.

**JANGAN!**  
**ISBN 978-981-11-6401-9**

Printed in Singapore

